

**Hamzah Ketuai Delegasi Ke Dialog Delhi Ke-6 India**  
**Bernamea**  
**5 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Timbalan Menteri Luar Datuk Hamzah Zainudin akan mengetuai delegasi Malaysia ke Dialog Delhi kali ke-6 di New Delhi, India selama dua hari mulai Khamis.

Kementerian Luar dalam satu kenyataan, Rabu, berkata Hamzah akan diiringi pegawai-pegawai kanan kementerian dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di New Delhi.

Bertemakan 'Merealisasi Visi India-ASEAN untuk kerjasama dan kemakmuran', dialog itu bertujuan meningkatkan kerjasama antara India dan ASEAN.

"Dialog itu dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar India dengan kerjasama Institut Analisis dan Kajian Pertahanan; Majlis Hal Ehwal Dunia India; Persekutuan Dewan Perdagangan dan Industri India; Kumpulan Penyelidikan SAEA Singapura dan Institut Penyelidikan Ekonomi ASEAN serta Asia Timur Jakarta, Indonesia," kata kementerian itu.

Pada dialog itu, Hamzah dijangka menyampaikan ucapan yang menekankan mengenai kerjasama ASEAN dan India dalam pelbagai bidang.

Beliau dijadual mengadakan pertemuan dengan Menteri Hal Ehwal Luar India Salman Khurshid.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019614>